

**Undang-undang baru kukuhkan peranan Rela
Utusan Online
18 April, 2012**

KUALA LUMPUR 17 April - Rang undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat esok bakal memperkukuhkan peranan anggota Ikatan Relawan Rakyat (Rela) di negara ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, melalui rang undang-undang itu anggota Rela akan dilibatkan secara langsung dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam mengurangkan kadar jenayah di samping menekankan kebajikan ahlinya.

Beliau berkata, walaupun melalui rang undang-undang itu dua bidang kuasa anggota Rela digugurkan iaitu tidak lagi diberi kuasa membawa senjata api dan menahan, memeriksa serta menangkap mana-mana individu yang tidak diingini seperti pegganas dan pendatang asing tanpa izin (PATI), namun peranan mereka diperluaskan.

"Mereka akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi penguatkuasaan lain dalam operasi aman di sasaran berkepentingan kerajaan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Rang undang-undang itu digubal bagi menggantikan undang-undang tubuh Rela yang akan terhenti berkuat kuasa pada 21 Jun ini selepas penarikan balik Proklamasi Darurat 1969.

Hishammuddin berkata, pengguguran kuasa itu dibuat setelah kerajaan menimbang pandangan orang ramai yang bimbang berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh segelintir anggota Rela dan bimbang dari segi kemahiran dan kemampuan mereka mengendalikan kuasa tersebut

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_05.htm